# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 46 | RABU 14HB NOBEMBER, 1979. | رابو 23 ذوالحجة 1399 | PERCHUMA






YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah junjong ziarah kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Yang Dipertuan sa-telah sempurna Istiadat Mengorniakan gelaran (gambar atas). Gambar kanan pula kelihatan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah menapakkan Gangsa Sireh ka-bahu YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dalam Istiadat mengorniakan gelaran tersebut.

## ADINDA2 BAGINDA YANG DIPERTUAN DI-KORNIAKAN GELARAN WAZIR PERTAMA DAN KEDUA

BANDAR SERI BEGAWAN — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada minggu lalu telah berkenan mengorniakan dua gelaran wazir kapada dua orang adinda Baginda dalam dua istiadat pengorniaan yang berasingan di-Lapau di-ibu negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengorniakan gelaran wazir kedua bagi Negeri Brunei kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah sa-bagai Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal pada petang hari Rabu, 8hb. Nobember.

Manakala pada hari berikut-nya, Khamis 9hb. Nobember Baginda Yang Dipertuan telah mengorniakan gelaran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara kapada adinda Baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ia-itu sa-bagai wazir pertama negeri ini.

Dalam kedua-dua istiadat pengorniaan tersebut Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah mengapit di-sa-belah kanan dan sa-terus-nya menapakkan Gangsa Sireh dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Ra'e Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed Alam mengapit di-sa-belah kiri.

Chiri pengorniaan gelaran bagi kedua-dua istiadat telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Awg. Haji Mohd. Yussof bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad, manakala Yang Dimuliakan Pehin Seri Maharaja Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membachakan do'a selamat.

Lihat muka 20

### Manis-nya Iman

**"ORANG yang terbaik di-antara kamu bukan-lah orang yang meninggalkan kepentingan dunia sa-mata2 kerana kepentingan akhirat; dan bukan pula meninggalkan kepentingan akhirat sa-mata2 kerana kepentingan dunia. Tetapi orang yang terbaik itu ia-lah orang yang mengambil kepentingan dunia untok kepentingan akhirat, dan mengambil kepentingan akhirat untok kepentingan dunia." — HADITH Nabi** riwayat Ibnu Asakir dan Ad-Dilmi daripada Anas.

## HARGA BERAS NAIK?

### Jangan dengar khabar angin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Harga Barang2, minggu ini mengingatkan kapada orang ramai supaya jangan mendengar khabar2 angin yang mengatakan "Harga beras akan naik dan beras kehabisan".

Sebenar-nya, kata beliau, bekalan beras di-negeri ini menchukopi dan harga-nya ada-lah saperti biasa.

Beliau memberi amaran kapada penjual2 beras di-negeri ini supaya jangan menyorokkan beras2 yang ada di-negeri ini. Dan perbuatan itu jika di-dapati, tindakan akan di-ambil dan lesen jaja-nya akan di-potong.

Orang ramai di-minta bekerjasama dengan pehak berkuasa untok melaporkan mana2 penjaja yang menyorokkan atau menaikkan harga beras yang di-tetapkan itu, supaya berhubong langsong dengan pehak Pengawal Harga, atau Pegawai2 Daerah, jelas-nya.

## Setem2 dan sampul surat hari pertama sempena Tahun 1400 Hijrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei mengumomkan minggu ini bahawa pehak-nya akan mengeluarkan setem2 kenang2an berserta dengan Sampul Surat Pertama bagi memperingati Tahun Hijrah 1400.

Sampul Surat Hari Pertama tanpa setem berharga 40 sen tiap2 satu telah di-jual sejak Isnin lalu 12hb Nobember, 1979 hingga 21hb Nobember, 1979 ini.

Setem2 itu masing2 berharga 10 sen, 20 sen dan 75 sen mulai di-jual pada 21hb Nobember, 1979 sa-hingga simpanan habis di-jual.

Sementara itu, Keping Kenang2an (Souvenir Sheet) yang berharga $1.20 tiap2 satu dan berisi ketiga2 harga setem di-atas akan di-jual pada 21hb Nobember, 1979.

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa tugas mengeluarkan setem kenang2an bagi memperingati kedatangan Tahun Hijrah 1400 ini telah di-serahkan kapada jawatan kuasa-nya yang di-pengerusikan sendiri oleh Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mohd. Limbang. Sementara ketiga2 jenis setem tersebut telah di-chipta oleh Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

Setem yang berharga 10 sen berwarna hijau, 20 sen berwarna biru muda dan 75 sen berwarna ungu dengan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-atas sudut kanan-nya.




Setem2 khas memperingati tahun 1400 Hijrah yang akan di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-seluroh negeri mulai 21hb Nobember ini.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

RABU 14HB NOBEMBER, 1979.

بسم الله الرحمن الرحيم

## RUMPUT YANG DI-TANAM LALANG YANG TUMBOH

DUA perkara penting yang di-tekankan sa-bagai ingatan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika merasmikan hari pelajar Sekolah Latehan Teknikal Bahagian Bangunan ia-itu kapada guru2 luar yang berkhidmat dan mengajar di-negeri ini dan kapada penuntut2 sekolah berkenaan.

Kapada guru2 luar negeri yang di-datangkan untok mengajar di-sekolah berkenaan, Dato Awang Haji Ahmad menekankan betapa mereka perlu mempelajari dan memahami tentang apa yang di-ingini dan yang tidak di-ingini oleh negara ini. Akan hal ini, memang-lah sudah sa-mesti-nya mereka berbuat demikian kerana ibarat kata pepatah — masok kandang kambing, mengembek — masok kandang kerbau, menguak, maka sudah kerasmian alam dan manusia 'lain lubok lain ikan-nya — lain padang lain pula belalang-nya.' Sebab itu sa-bagai perantau ada-lah lebeh chuchok dan manis lagi bagi mereka mempelajari keinginan yang di-hasratkan oleh masharakat dan negara ini. Dengan itu, penumpuan mereka menunaikan tanggong-jawab yang di-amanahkan dapat di-laksanakan dengan penoh minat dan di-restui isi negara dengan lain perkataan di-mana bumi di-pijak di-situ-lah pula langit di-junjong dan di-situ juga bakti di-churahkan.

Dato Awang Haji Ahmad menimbulkan hal ini ada-lah membayangkan betapa beliau menumpukan amatan yang penoh teliti agar anak negeri ini yang di-asah dan di-didek dengan ilmu 'pengetahuan itu akan benar2 berfaedah.

Mengabaikan tugas yang di-pertanggong-jawabkan kapada siapa juga dalam satu2 jawatan memang-lah suatu yang tidak di-ingini kerana perbuatan demikian hasil-nya kerugian yang di-terima. Jelas-lah, kesan burok yang di-terima oleh penuntut2 itu sama ada yang bersangkutan dengan pengajian mahu pun pembawaan atau keolahan penuntut sa-bahagian-nya ada-lah merupakan akibat kelalaian guru2 itu.

Keadaan demikian akan bertambah burok lagi di-samping terdapat-nya sikap guru2 yang mengabaikan tugas mereka dan keluar sekolah ketika waktu menjalankan tugas dalam tempoh masa yang lama. Sikap saperti ini tidak-lah patut di-biarkan kerana dari-nya juga timbul sikap penuntut2 yang malas dan lebeh malang lagi ia-nya akan melahirkan lulusan2 penuntut2 yang kurang kemahiran kerana kurang bimbingan dan tunjok-ajar yang sa-patut-nya dari guru2 mereka.

Kapada penuntut2 yang malas, kaki botol, penageh dadah dan menyibar kemerosotan moral, puncha mereka jadi demikian tidak-lah dapat kita ristakan kapada satu2 pehak sahaja umpama kapada ibu-bapa dan guru2 malah lebeh utama lagi ia-lah dari penerimaan dan dorongan hati diri sendiri terhadap sa-suatu yang boleh menimbulkan kechemaran demikian. Kerugian yang di-tanggong akibat dari-nya juga bukan saja di-deritai oleh penuntut2 berkenaan tetapi akan turut di-rasakan sama oleh semua masharakat di-mana ia diam bersama.

Maka kalau ribut sudah melanda, hujan lebat pasti menyiram bumi dan tanah gersang akan terus binasa, akibat-nya harapan kerajaan pada menubohkan satu2 pusat latehan teknikal untok mendapatkan tenaga teknishen yang berdisiplin, berdikari dan berugama akan turut musnah saperti mana juga musnah-nya tanaman2 yang subor akibat kerosakan dan kegersangan bumi dan lebeh malang lagi — rumput yang di-tanam, lalang pula yang tumboh.

Maka dengan itu juga tentu-lah pehak2 berkenaan terutama guru2 tidak sekali2 inginkan ingatan demikian di-sebut berulang-ulang kerana mereka tentu menyedari bahawa perbuatan demikian hanya akan menjatohkan prestasi kemahiran mereka dan kapada penuntut2 tentu tidak ingin akan di-sebut atau di-samakan dengan kedudokan binatang saperti kerbau membawa lumpur, semua-nya terpalit.

## PADA HEMAT SAYA....

"... awda memerlukan talipon, dan biasa-nya keperluan awda itu berupa keperluan segera. Dan awda menyangka jangka masa yang segera itu boleh 'di-beli'. Maka di-situ-lah silap-nya awda."

# APABILA AWDA PERLUKAN TALIPON

BAGAIMANA perasa-an awda apabila talipon awda rosak? Tentu serba-salah. Dan pasti-lah saperti 'putut' betis-tangan saja gaya-nya.

Kalau di-pejabat, apa jua pejabat pun, dan terutama sekali pejabat berniaga termasok-lah kedai2, tentu sekali kelancharan urusan awda terjejas. Kalau pun awda dapat berkejar ka-sana ka-mari tapi pasti-lah tidak sa-jauh mana. Itu pun awda kena-lah mengorbankan masa dan tenaga yang lebeh.

Kalau di-rumah, tentu-lah awda saperti terpenchil, tambahan pula kalau memang rumah awda agak terpenchil.

Jelas-nya: kehidupan harian kita sudah sampai ka-peringkat menggunakan alat2 perhubongan yang sophisticated. Talipon ia-lah chuma satu daripada alat2 itu — yang bagi sa-tengah anggapan berupa barang luxury, tapi tidak semesti-nya begitu dalam semua keadaan.

Penggunaan talipon ada-lah sudah lumrah, semua peringkat orang mengguna-kan-nya. Dan tidak harian bagi kebanyakan kita ada yang sampai menganggap-nya sa-bahagian daripada hidup. Maka tentu-lah dalam keadaan ini talipon tidak berupa barang dalam kategori luxury tapi sa-balek-nya ia mengambil tempat dalam kategori necessity.

Jadi, jika awda ber-keadaan saperti 'putut' betis-tangan apabila talipon awda rosak maka itu sangat ma'akul. Lebeh masok di-akal lagi kalau awda berkeadaan begitu apabila awda memang telah biasa bertalipon atau memerlukan-nya tapi tidak punya talipon.

Lalu dalam keadaan2 begitu tidak hairan kalau awda berusaha mendapat-kan-nya dengan apa jua chara yang terdaya!

Malang-nya, dalam awda berkeadaan begitu, awda mungkin di-mangsakan oleh orang2 yang bijak mengambil kesempatan!

### TERTIPU

Chontoh-nya ia-lah saperti berita mengenai ada-nya orang2 yang tertipu dengan memberikan wang kapada orang2 yang berjanji dapat menyambong dan memasang talipon yang di-hajati-nya.

*Berita yang sumber-nya dari Jabatan Talikom itu bukan baru sekali ini kedengaran. Pehak yang berkenaan itu sangat mengambil berat mengenai perkara 'penipuan' tersebut, yang khabar-nya ada tohmah2 mengatakan kakitangan Jabatan-nya terlibat. Hinggakan Pengarah-nya pernah menawarkan hadiah wang $1000 kapada sa-barang orang yang dapat memberikan 'maalumat yang chukop' bagi menghukum sa-barang kakitangan-nya yang berjanji memasang atau membaiki talipon dengan menuntut upah.*

*Sekali imbas berita2 itu agak menggemparkan juga. Tapi awda tidak sepatutnya turut gempar. Sekurang2-nya ia-lah kerana orang2 talikom sendiri dapat di-kenali menerusi kad pengenalan diri mereka. Jadi tidak patut awda terpedaya kira-nya di-datangi atau di-hubongi oleh mana2 orang yang tidak punya identification card sa-bagai kakitangan Jabatan Talikom.*

Dari segi itu awda sudah di-jamin selamat. Dan nyata tidak mudah bagi kakitangan talikom memperdayakan awda. Begitu pula tidak-lah mudah bagi sa-barang orang lain memperdayakan awda dengan 'janji khidmat bersharat' itu.

Lain-lah hal-nya kalau memang awda sudah di-takdirkan akan di-perdayakan lalu awda sendiri saperti terpukau antara hajat memileki talipon dengan 'janji khidmat bersharat' itu. Kalau begitu memang-lah malang nasib awda.

### MEMERLUKAN

Masaalah-nya: Awda tetap maseh memerlukan talipon. Mithal-nya awda baru buka kedai atau pejabat niaga, talipon mesti ada, kalau tiada talipon maka awda pasti saperti 'putut' betis-tangan. Mithal-nya lagi awda berpindah rumah dari rumah yang ada bertalipon, tentu awda mahu rumah baru yang awda pindahi itu juga bertalipon, kalau tidak, maka 'putut'-lah juga betis-tangan. Itu kalau talipon belum ada.

Jadi, awda memerlukan talipon, dan biasa-nya keperluan awda itu berupa keperluan segera. Dan awda menyangka jangka masa yang segera itu boleh 'di-beli'. Maka di-situ-lah silap-nya awda.

*Dalam pada itu, ada orang lain yang tidak bersangkakan begitu, yakni: perkhidmatan segera itu tidak patut di-beli. Mereka sabar menunggu dan malah menaroh simpati terhadap Jabatan Talikom yang rupa-nya bukan saja sebok menyiapkan segala projek yang di-ator-nya tapi juga mengatasi masaalah orang2 yang menggunakan nama Jabatan itu bagi memperdayakan pemohon2 talipon, yang antara khabar-nya baru2 ini ada yang membayar dengan cash cheque bernilai $200.*

### TIDAK SABAR

Pada hemat saya, orang yang membayar dan rupa2-nya terpedaya itu tentu-lah orang yang sudah tidak sabar menunggu!

Lain hal-nya orang2 yang sabar dan menaroh simpati pula terhadap Jabatan Talikom. Mereka, saya perchaya, akan terselamat sa-kali pun terpaksa berkeadaan 'putut' betis-tangan atau terpenchil di-dunia yang kelihatan-nya tidak mengzinkan ia-nya terpenchil begitu.

Saya suka-lah mengeshorkan kapada awda yang sudah tidak sabar itu supaya sekurang2-nya menchontohi saya *(maafkan, ini too personal pula gaya-nya!)*. Yakni: saya yang kebetulan maseh menunggu talipon di-sambong ka-rumah sejak lebeh sa-tahun, insha Allah akan tetap sabar dan menaroh simpati terhadap kegagauan pehak Talikom di-ukor dengan keupayaan-nya dari segi tenaga.

Saya shorkan awda sepatutnya begitu. Terutama kita telah di-beritahu bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan (tentu di-sisi undang2 negeri) *"to pay money to any government official for special favours"*.

Dan yang penting, selalu-nya penting, ia-lah awda patut insaf bahawa ada-lah *'haram'* bukan saja *'to pay'* tapi juga *'to receive'*. — *Ketua Pegawai penerangan.*




**CHONTOH Kad Pengenalan diri bagi kakitangan Jabatan Talikom yang mereka pakai sa-waktu bertugas. Sa-lain dari-pada bagi maksud2 keselamatan, kad ini juga di-kira boleh menolong orang ramai untok mempastikan mereka berurusan dengan kakitangan talikom yang sebenar-nya.**



THE BORNEO BULLETIN, November 3, 1979.

## Concern over bogus telecoms officers

BANDAR SERI BEGAWAN. — Criminals posing as telecommunications officials are tricking people out of hundreds of dollars with false promises to connect or repair telephones.

These conmen even give their names as those of genuine telecoms employees, who are later found to have been nowhere near the area.

One person recently gave a complete stranger a $200 cash cheque to somebody claiming to be a telecoms official and promising to install a phone. The cheque was cashed the next day, the stranger was never seen again.

At least one such case is reported every two months, but it is believed that the con trick is carried out far more frequently than this.

"It goes on all the time, and varies from area to area," said director of telecommunications, Mr Douglas Scholey.

Seventeen months ago, Mr Scholey personally offered a $1,000 reward to anyone giving enough information to lead to the conviction of any member of his staff promising to install or repair a phone in return for payment.

"The offer still stands.

"And I won't have to pay the whole amount myself as my local senior staff are also equally worried about the situation," he said.

All telecoms employees have identification cards with their names and photographs on them.

"So if someone cannot produce identification the police should be called immediately," added Mr Scholey.

He stressed money should only change hands at official offices or through the post, never at private premises.

It is also an offence for any member of the public to pay money to any government official in return for special "favours."

**POTONGAN akhbar Borneo Bulletin yang menyiarkan mengenai dengan orang2 yang menyamar sa-bagai kakitangan talikom.**





# TWO PRINCES INSTALLED

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan last Thursday afternoon officially appointed his younger brother, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah as the first Wazir carrying the title of Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara.

The installation ceremony was held at the Lapau here. It began with a traditional royal custom of passing the Gangsa Sireh over the right shoulder of Prince Haji Sufri Bolkiah by his elder brother, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

This was followed by the reading of the Royal Warrant of Appointment by Yang Di-Muliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Haji Mohamed Yusof and accompanied by a seventeen blasts of cannon fire, marking the official appointment of the Prince to his new post.

Prayers were read by the State Mufti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

Later, outside the Lapau, the new Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara received the royal salute and inspected a guard of honour mounted by members of the Royal Brunei Police.

This was followed by a procession introducing the new first Wazir to the people. The procession through the streets of the capital was led by the Royal Brunei Malay Regiment band and accompanied by royal regalia bearers and other state dignitaries.

The picture above right shows the first Wazir being seated in the centre during the ceremony.

Meanwhile, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah was also installed last Wednesday as the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal at a similar colourful ceremony at the same venue in the presence of His Highness the Sultan (see the picture above left).

Those present at the two-day ceremonies included the Seri Begawan Sultan, the British High Commissioner and other state VIPs.

In the meantime, the closing ceremony of the Gendang Jaga-Jaga for the installations of the two princes were held at the palace here on Friday.

The ceremony was conducted in the presence of the Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Also present at the ritual were the General Advisor to H.H. the Sultan, the Mentri Besar and other state dignitaries.

## Appeal court president appointed

BANDAR SERI BEGAWAN. —Lord President Dato Setia Sir Geoffrey Briggs was appointed as the President of the Brunei Court of Appeal in a ceremony held at the palace here last week by His Highness the Sultan.

His Highness also appointed two other judges, Mr Justice Ti-Ling Yang and Mr Justice Derek Cons to serve in the sitting of the High Court and the Supreme Court.

The sitting of the Court of Appeal commenced on Nov 6, followed by the sitting of the High Court which was chaired by Mr Justice Trainor.

Those present at the swearing-in ceremony at the Istana were the British High Commissioner, the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, the Yang Teramat Mulia Prince Muda Jefri Bolkiah. Pengiran Cheterias, the General Advisor to His Highness the Sultan, the Mentri Besar, the State Secretary, the Attorney-General, and officers of the Legal and the Judicial Departments.

## Former Commander presents medals

BANDAR SERI BEGAWAN. — The former Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Brigadier Dato Simpson presented long-service and good-conduct medals to five non-commissioned officers of the regiment at a ceremony held in Bolkiah Camp on Wednesday.

The five soldiers were Officers Two, Talib bin Arshad, Hamdan bin Omar and Duraman bin Haji Samat, Staff Sergeant Hussein bin Omarali and Sergeant Nauhi bin Shawal.

They were among the regiment's second intake of recruits 18 years ago.

Brigadier Dato Simpson paid a visit to Brunei last week.

Meanwhile, thirty-four recruits of the Royal Brunei Malay Regiment will pass out tomorrow.

The Commanding Officer of the Regiment, Brigadier Dato Roberts is expected to take the salute and inspect the guard of honour at the passing-out ceremony.

They will later be sent to various units of the regiment.

The recruits who formed the 48th intake of the regiment have just completed six-month training.

## No shortage of rice

BANDAR SERI BEGAWAN. — The public has no cause to worry about the supply of rice in Brunei because there is no shortage of commodity.

The Price Controller has denied rumours that the state is deficient in rice.

He has stressed that the rice is being sold at the usual price, that is three dollars a gantang here, three dollars and five cents in Tutong and Muara and three dollars and ten cents in Kuala Belait, Seria and Temburong.

Action will be taken against those hoarding or increasing the price of rice.

Members of the public who have found shopkeepers doing so are requested to report to the Price Controller's office or the district officers.

## Special Branch reverted

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Commissioner of Police announced last week that with effect from Nov 1, the Department of Security and Intelligence was merged with the Royal Brunei Police Force.

The department is now under the command of the Police Commissioner.

It reverts to its former name of Special Branch.

Dato Owen has been appointed the Acting Head of the Special Branch.

## Malay exam. for non-Malays

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Malay Language examination for non-Malays will be conducted at the end of this year.

The exam which will be held between tenth and thirteenth of December is for Primaries two, four, six and Form two.

The Education Dept said that candidates should be from Adult Classes and should have first obtained approval from the Organiser of Adult Classes here.

Forms for the exam can be obtained from their class teachers.

The fees will be three dollars each and registration will begin on *November 15* (tomorrow).

## CORRECTION

IMPORTATION OF USED CARS (Last Wednesday): The rule is not new, but is meant to remind the public about it.

## Dealers General Licence

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Land Transport Department has reminded car-dealers about the General Licence.

The following is the statement issued by the Deputy Controller of the Dept:—

Dealars General Licence

Please draw your attention to the above mentioned subject, to remind you of the uses of the licences as per Section 11 of the Road Traffic Enactment, as follows:

(i) To enable vehicles (new) to be driven from the ports to your place of work.

(ii) To enable the vehicles to be tested on the road by your customers.

(iii) To enable the vehicles to be brought to Land Transport Office for registration/licencing.

As such, you are required to see that the usage of the licences does not fall outside the uses as defined above. Please be reminded that any licence which has been issued must not be lent to other firms or private individuals, but should only be used by your firm only. For this purpose, any of your branches whether in the same district or otherwise should be treated as a different firm.

Action to cancel the licences will be taken if they are found to be misused, in accordance with Section 14 of the Road Traffic Enactment.

In this connection also, you are advised to use the licences in the district in which they are issued:

(i) 'B' licence should only be used in Brunei-Muara District, but may be used to drive vehicles from Belait District to your place of work in Brunei-Muara District.

(ii) 'KB' licence should only be used in Belait District, but may be used to drive vehicles from Brunei-Muara District to place of work in Belait.

On subject of reports as required by Regulation 82 of the Road Traffic Regulations, 1955, you are required to prepare a full report on uses for registration number as mentioned above, not only on the uses for registration/licensing any vehicle.

All report must be forwarded once a month to the Controller of Land Transport, Brunei. (Reports were submitted as from the end of September).

Every application for new licence or renewals of existing licences must be forwarded to the Controller of Land Transport, Brunei. Whether the applications be approved or the existing licences be renewed will depend on the reports as mentioned in above.

During the registration/licensing of a new vehicle, the licence plates must always be fixed onto the vehicle and must not be removed to be fixed onto other vehicles until the registration licensing of the first vehicles has been completed.

## Vandalism on sub-stations

**BANDAR SERI BEGAWAN.—The Electrical Department last week issued a warning against vandalism on sub-stations.**

**The Chief Electrical Engineer, Dato E. F. Brown, in a statement said that such acts were committed at its installations at Kampong Setia and Kampong Sungai Kebun, Kampong Ayer.**

**The statement also pointed out, such vandalism would cause human accidents and electricity supply breakdown to the areas.**



**The picture shows the Deputy Controller of Land Transport, Awang Ahmad bin Haji Ibrahim (with songkok) reminding the dealers, directors, managers and salesmen of car companies about the General Licence last Thursday at the office of the Land Transport Department.**

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Ulama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

## Nas keterangan hukum mengenai:

# DAGING HALAL DAN DAGING BANGKAI

SEMBELEHAN ORANG FASIK DAN AHLI KITAB

1) Al-Imam An-Nawawi dalam kitab-nya Al-Majmu' Sharah Al-Muhazzab menyebutkan "Berkata Al-Imam Al-Mutawalli dan lain2 ulama' besar daripada mazhab Shafi'e jika sa-orang fasik atau sa-orang Ahli Kitab berkhabar bahawa ia telah menyembeleh kambing ini. Maka kita pakai perkhabaran-nya itu, dan halal kita memakan kambing itu. Kerana orang fasik dan Ahli Kitab itu ada-lah orang2 yang layak menyembeleh chara shara."

Menurut Al-Imam An-Nawawi lagi: "Jikalau kita dapati sa-ekor kambing tersembeleh dan kita tidak ketahui siapa yang menyembeleh-nya, jika dalam suatu negeri itu ada orang yang tidak halal sembelehan-nya saperti orang Majusi (yang menyembah api), maka tiada halal sembelehan kambing itu; samada orang yang tiada halal sembelehan-nya semua-nya (dengan tiada orang Islam atau Ahli Kitab) di-situ, atau mereka berchampor dengan orang2 Islam. Kerana di-shakkan pada halal sembelehan itu. Menurut kaedah pada binatang asal-nya dan dahulu-nya ia di-haramkan (melainkan sudah di-sembeleh chara Islam oleh orang Islam umpama-nya). Dan jika tiada di-situ sa-orang pun orang Majusi di-antara orang2 Islam itu maka sembelehan itu halal.

2) Al-Imam Shamsuddin Muhammad Ar-Ramli dalam kitab-nya yang di-sebut An-Nihayah (meninggal tahun 1004 H.) mengatakan: "Jikalau orang fasik atau orang Ahli Kitab berkhabar dan memberitahu bahawa dia sendiri telah menyembeleh kambing ini (kambing yang tertentu) maka kita terima kata dan perkhabaran-nya itu, kerana orang fasik dan Ahli Kitab itu ada-lah orang2 daripada golongan orang yang halal sembelehan-nya."

Kata-nya lagi: "Jikalau kita dapati sa-ekor kambing telah di-sembeleh dan kita tiada tahu kambing itu ada-kah di-sembeleh orang Islam atau orang Majusi (atau orang menyembah berhala atau orang yang tiada mempunyai sebarang ugama), kira-nya ada di-negeri itu orang Majusi maka tiada-lah halal sembelehan itu, ya'ani kambing yang di-jumpa tersembeleh itu.

**BINATANG YANG DI-JUMPAI TERCHAMPAK**

3) Al-Imam Ibnu Hajar (meninggal tahun 973 H.) mengatakan dalam kitab-nya Tuhfah: "Haram binatang yang di-sembeleh di-jumpai terchampak di-suatu tempat, dan haram sepotong daging yang di-taroh dalam suatu bejana (atau di-bungkus) di-jumpai di-suatu tempat, di-kechualikan pada suatu tempat yang ada biasa (ghalib) di-situ orang yang halal sembelehan-nya; dan di-kechualikan juga jika di-khabarkan kapada kita oleh orang yang halal sembelehan-nya bahawa ia telah menyembeleh-nya sekali pun yang memberi khabar itu orang kafir Ahli Kitab, maka menurut qaid dalam 'ibarat binatang yang tersembeleh yang di-jumpai tiada terchampak di-mana2 ada-lah binatang yang tersembeleh itu halal samata2.

Tetapi zahir-nya itu pada suatu tempat yang tiada di-situ sa-mata2 atau semua orang Majusi umpama-nya. Dan menurut ibarat "di-jumpai sa-potong daging dalam bekas atau bejana" maka di-faham dari kata itu bahawa sa-potong daging yang tiada ada dalam bekas atau dalam bejana yang terchampak yang terdedah, maka daging itu sa-mata2 haram samada biasa (ghalib) orang yang halal sembelehan-nya atau tiada biasa mereka ada di-tempat itu. Dan di-pakai qarinah atau tanda yang menunjokkan halal daging itu pada sa-tengah masaalah perkara pada sa-potong daging dalam bejana menurut sharat-nya. Serta hendak-lah ingat bahawa asal binatang itu sa-belum di-sembeleh ada-lah haram, dan haram tiada-lah terangkat dengan shak terhadap orang yang menyembeleh-nya, kerana pada qarinah itu ada sebab membawa halal sa-suatu harta itu, dan kerana susah hendak beramal dan berpegang dengan asal itu ya'ani haram sa-ekor binatang sa-belum di-sembeleh."

**SHARAT SA-BAGAI AHLI KITAB**

Ya'ani: Ahli Kitab yang bukan bangsa Israel di-sharatkan bahawa di-ketahui awal datok nenek-nya yang laki2 masok ugama Yahudi sa-belum di-mansokhkan ugama Yahudi itu dengan ugama Nasrani; atau ia masok ugama Nasrani sa-belum di-mansokhkan ugama Nasrani itu dengan ugama Islam dan sa-belum ugama Yahudi atau ugama Nasrani itu di-ubah2.

Ada pun Ahli Kitab bangsa Israel (ya'ani keturunan Nabi Ya'akub bin Ishak bin Ibrahim 'alaihimus salam) di-sharatkan tiada di-ketahui awal datok nenek laki2-nya masok ugama Yahudi atau ugama Nasrani sa-belum ugama Yahudi itu di-mansokhkan dengan ugama Nasrani atau sa-belum ugama Nasrani itu di-mansokhkan dengan ugama Islam.

Jadi, orang2 China, Iban, Kadazan, Philipina dan India dan lain2 yang masok ugama Nasrani sa-telah datang ugama Islam dengan bangkit-nya Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wasallam) menjadi Rasul, maka tiada-lah mereka itu masok di-bawah ertikata 'Ahli Kitab' yang halal orang2 lelaki Islam nikah dengan perempuan mereka, dan halal sembelehan mereka kapada umat Islam.

Tegas-nya orang2 masok ugama Nasrani sa-sudah datang ugama Islam ada-lah haram sembelehan mereka. Begitu juga orang2 Rusia sebab mereka masok ugama Nasrani pada tahun Hijrah 375 ia-itu sa-sudah datang ugama Islam berkurun2 lama-nya. Ini di-katakan oleh Al-'Allamah As-Sayid Ahmad bin Zaini Dahlan, Mufti Mekah (meninggal tahun 1304 H.) dalam kitab Al-Futuhatul Islammiah.

**BINATANG BURUAN**

4) Berkata Al-Hafez Ibnu Rajab Al-Hambali Al-Baghdadi (meninggal tahun 795 H.) dalam kitab Jame'ul 'Ulum Wal-Hikam ketika ia mensharahkan hadith

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ

"Ada pun benda yang asal-nya di-tegah saperti perempuan dan daging binatang maka tiada-lah halal benda itu melainkan dengan yakin halal-nya dengan sebab di-sembeleh dan 'akad nikah. Dan jika ada waham pada sembelehan atau 'akad nikah di-sebabkan nyata ada sa-suatu sebab yang lain maka hendak-lah kita kembali berpegang pada asal-nya, dan kita beri hukum atas asal itu. Di-sini nyata asal-nya ada-lah haram maka kita hukumkan-lah haram benda itu.

"Dari sebab itu Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) telah menegah dari makan binatang buruan yang di-dapati oleh pemburu akan kesan anak panah yang lain dari anak panah-nya; atau ia dapati ada anjing buruan yang lain yang bukan anjing buruan-nya; atau ia dapati buruan itu telah jatoh dalam ayer. Dan Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) telah menyatakan sebab di-tegah binatang buruan itu ia-lah kerana tiada di-ketahui ada-kah ia mati dengan sebab yang di-haruskan saperti dengan anak panah atau dengan sebab yang lain saperti tenggelam dalam ayer itu."

WALLAHU A'ALAM



KERAJAAN telah menggalakkan impot kerbau dan lembu dari luar negeri bagi menampong bekalan tempatan. Penyembelehan-nya di-lakukan dalam negeri untok menjamin daging2-nya halal.



# SHAITAN MUSOH KETAT MANUSIA— BERJAGA-JAGA DARI GODAAN-NYA




DI-TENGAH2 kehidupan masharakat manusia ini ada sa-jenis makhlok halus yang hidup dan berchampor gaul dengan manusia. Makhlok itu ia-lah tidak lain dan tidak bukan "Shaitan" yang di-jadikan Allah daripada api.

Manusia tidak-lah dapat menghubongi shaitan dengan pandangan mata, tidak dapat menghubongi dengan pendengaran telinga, tidak dapat menghubongi dengan perantaraan lidah dan tangan. Tetapi perhubongan shaitan dengan manusia tetap berlaku semenjak Adam dan Hawa hingga-lah ka-zaman peniupan sangkakala kelak.

Shaitan itu sentiasa berkerja, berusaha dan berjuang terus-menerus menipu, mengoda dan menjerumuskan manusia ka-lembah kejahatan, kerosakan, kehinaan dan dosa.

Semua manusia ada-lah sentiasa terdedah kapada godaan shaitan, tidak kira sa-orang itu alim, cherdek pandai, buta huruf atau sabagai-nya, chuma manusia yang telah tahu burok baik, tahu dosa pahala, tahu benar dan salah, serta tegoh pula semangat takwa dan iman-nya sahaja-lah yang akan dapat mempertahankan diri dari godaan shaitan itu.

Chara dan taktik shaitan itu menggoda tentu-lah tidak sama terhadap sa-orang yang alim dengan yang jahil, kerana jika tindakan itu sama mungkin shaitan tidak akan dapat menggoda si-alim, dengan hal yang demikian maka tidak-lah akan banyak orang yang terperangkap dalam godaan shaitan. Tetapi shaitan chukop sedar bagaimana ia-nya harus bertindak. Shaitan pandai menchari kelemahan diri sa-seorang. Maka kerana itu-lah banyak manusia terjerumus ka-lembah dosa dan kejahatan.

Oleh kerana perjuangan shaitan itu terlalu halus chara-nya dan terlalu merbahaya pula kapada manusia maka Allah s.w.t. telah mengistiharkan di-dalam Kor'an bahawa shaitan itu ada-lah musoh manusia sa-bagaimana firman Allah di-dalam surah Al-'An'am ayat 142 bermaksud *"Jangan-lah kamu mengikut langkah2 shaitan, kerana ia musoh yang terang bagi kamu"*.

Ayat itu sa-olah2 pengistiharan terang antara shaitan dengan manusia dan antara manusia dengan shaitan, kalau manusia itu kuat shaitan-lah kalah, tetapi kalau manusia lemah maka shaitan pula-lah yang menang.

Menurut Al-Imam Ghazali bahawa: ada dua buah pintu besar jalan shaitan masok mengoda manusia. Pertama marah dan kedua shahwat, dan bila mana saseorang itu marah maka shaitan akan mempermainmainkan dia saperti budak2 mempermainkan bola.

Bila perasaan marah dan juga shahwat ini chukop memunchak biasa-nya pertimbangan orang itu tidak lagi berjalan sa-bagaimana mesti-nya. Kadang2 boleh jadi dia hilang akal, maka gelora saperti ini-lah yang sentiasa di-tunggu2 oleh shaitan. Sebab dalam gelora dan gelombang itu-lah tipu daya-nya mudah berjalan. Jalan yang sa-baik2-nya bagi orang Islam ia-lah jangan membiarkan diri-nya di-kuasai dan di-perentah oleh perasaan marah-nya dan juga shahwat-nya. Saboleh2-nya kita-lah yang menguasai kedua-dua perkara ini melalui pengajaran2 Islam.

Kalau-lah sudah demikian jalan-nya maka umat Islam hendak-lah sentiasa waspada dan menyedari ada-nya musoh ketat kita yang bernama shaitan itu dan berjaga-jaga daripada tipu daya dan godaan-nya, mudah-mudahan dengan demikian akan selama'-lah kita hidup di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Nobember, 1979 hingga ka-hari Selasa 20hb Nobember, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini :—**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 15hb Nob | 12.11 | 3.29 | 6.07 | 7.22 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 16hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 17hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Nob | 12.12 | 3.30 | 6.08 | 7.23 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Bingkisan minggu ini

# PENYANTUN DAN PEMA'AF

TELAH di-cheritakan tentang satu kejadian di-mana sa-orang Yahudi telah datang kapada Rasulullah s.a.w. untok menuntut hutang-nya. Tetapi kelakuan orang Yahudi itu terlalu kasar; dengan tiba2 saja ia meranggut baju Nabi dan berkata: "Hai keturunan Abdul Mutalib, kamu memang dari golongan yang suka menanggoh-nanggohkan hutang".

Sikap yang sa-demikian kasar dari orang itu telah menyakitkan hati Omar Ibnul Khattab yang kebetulan berada di-situ ketika itu. Maka beliau pun bertindak membalas kekasaran orang itu. Sedangkan pada ketika itu Nabi maseh berdaya untok mengawal perasaan Baginda, dan malah tidak terbayang sedikit jua pun kemarahan pada ayer muka Baginda.

Sa-balek-nya dengan senyum Baginda bersabda kapada Omar Ibnul Khattab yang kira2 bermaksud: *"Wahai Omar, kami berdua mempunyai urusan yang lebeh patut kami selesaikan berdua daripada engkau menchampori-nya, sa-baiknya engkau suroh-lah sahaja saya membayar hutang itu dengan baik, dan suroh ia menuntut hutang-nya dengan baik pula, sa-benarnya maseh ada tiga hari lagi bagi tempoh pembayaran saya":* Lalu Baginda pun menyuroh Saidina Omar membayarkan hutang Baginda itu dengan di-berikan tambahan dua puloh gantang gandum sa-bagai pembayaran terhadap kekasaran Saidina Omar tadi.

Dengan berlaku-nya kejadian itu, alang-kah terperanjat-nya orang Yahudi tadi kerana tiada di-sangkanya akan terjadi sa-demikian itu. Dalam keadaan kagum dan takjub terlompat-lah dari mulut-nya kata2 yang sa-demikian: "Wahai Omar, semua-nya ini ada-lah tanda2 kenabian, saya telah melihat tanda2 tersebut di-seri wajah-nya, saya sa-benar-nya ingin memastikan ada-kah dia benar2 Nabi, kira-nya dia telah memboktikan kenabian-nya dengan sifat2 penyantun dan pema'af, oleh sebab itu saya naik saksi bahawasa-nya tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuroh Allah".

Adapun sifat yang telah di-tunjokkan oleh Rasulullah s.a.w. itu di-namakan sifat penyantun dan pema'af, atau pun tidak lekas meradang apabila di-kasari oleh sa-seorang.

Baginda telah memperoleh kemenangan peribadi paling tinggi yang bukan saja telah berjaya merebut perasaan hormat orang Yahudi itu terhadap-nya, bahkan juga telah berjaya menundokkan keperchayaan ugama orang itu, oleh sebab ketakjubaan-nya yang amat sangat terhadap keluhoran peribadi Nabi yang maha agong itu. Ia sudi mengubah keperchayaan-nya sa-mata2 kerana terpengaroh terhadap budi bichara Muhammad yang tiada ternilai oleh kekayaan dunia yang memang itu-lah salah satu daripada ajaran2 Ugama Allah.

Dengan gambaran peristiwa tersebut kita juga saharus-nya mengambil chontoh bahawa apakala sa-suatu perselisehan berlaku dengan orang lain, maka sa-baik2-nya patut-lah di-selesaikan oleh mereka berdua sa-chara aman dan tenteram tanpa di-champori oleh mana2 pehak. Ini ada-lah di-sebabkan, mungkin dengan champur-tangan orang lain itu akan memerakkan lagi perselisehan yang sedia bergelora. Maka sebab itu-lah Nabi Muhammad s.aw. telah menegah Omar Al-Khatab untok menchampori hal Baginda dengan orang Yahudi itu, melainkan sa-baik2-nya bagi Omar menganjorkan supaya Nabi membayar hutang-nya kapada Yahudi itu dan Yahudi itu pula menuntut-nya sa-chara hormat kapada Nabi Muhammad.

Sa-benar-nya darjat penyantun yang sa-demikian tinggi itu tidak akan dapat di-chapai kechuali oleh orang2 yang kuat jiwa-nya dan tegoh peribadi-nya. Tetapi amat penting jika kita mampu untok menchapai-nya bagi tujuan mengelakkan perselisehan yang mungkin akan berlaku pada sa-tiap masa. Maka demikian juga amat penting bagi penganjur2 masharakat untok memperolehi sokongan dan penghormatan orang lain, oleh kerana darjat tersebut menggambarkan kekuatan peribadi yang melayakkan sa-bagai pemimpin dan penganjur sa-bagaimana maksud hadith Nabi yang bermaksud: *"Sa-kuat2 kamu ia-lah orang yang dapat mengalahkan diri-nya ketika marah, dan yang paling penyantun pula ia-lah orang yang memberi ma'af dalam masa berkuasa".*

# KEJAHATAN2 YANG HARUS DI-TUMPASKAN



CHUBA perhatikan gambar2 yang di-siarkan di-halaman ini dan timbang-lah sendiri apa yang akan di-lakukan oleh pendudok2 yang berkenaan jika kemudahan2 yang demikian ini di-chabut kembali? Tentu akan timbul berbagai sungutan dan lebeh hebat dari itu mungkin pula akan di-katakan bahawa pehak berkenaan tidak memikirkan untok kesenangan2 pendudok.

Memang telah terbokti bahawa kesenangan raayat dan pendudok akan tetap di-ambil perhatian, terutama-nya tentang pembekalan kemudahan2 asas termasok bekalan ayer dan api.

Bekalan ayer dan api sudah pun menjalar hingga ka-kampong2 dan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok memasokkan bekalan2 sa-umpama itu ka-kampong2 yang belum menekmati-nya sedang dan akan terus di-laksanakan menurut keutamaan-nya. Demikian-lah betapa hasrat Kerajaan untok menyempurnakan kemudahan2 asas itu agar dapat di-nekmati sama oleh raayat dan pendudok. Untok ini, tentu-lah Kerajaan memperuntokkan perbelanjaan yang bukan sedikit.

Kerajaan melaksanakan tanggong-jawab-nya dengan sa-berapa boleh yang mungkin agar raayat dan pendudok negeri ini dapat mengechap nekmat2 hidup yang kemudian-nya menghasratkan supaya raayat dan pendudok akan memileki taraf hidup yang bukan saja kerana kemodenan, bahkan akan lebeh mengechap hidup yang selesa dan benar2 sempurna.

Demikian rasa hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rasa hati itu pula harus-lah, malah memang wajar di-shukori oleh semua pehak. Apa-kah chara bershukor yang di-haruskan untok di-praktikkan terhadap perkara2 yang begitu baik lagi murni itu? Apa-kah pengguna2 tidak punya tanggong-jawab terhadap hal2 yang sa-umpama ini?

Chara bershukor yang di-perlukan bukan-lah sa-kadar menguchapkan terima kaseh atau sa-kadar menyatakan kebanggaan kerana di-beri kemudahan2 serupa itu. Uchap terima kaseh dan menyatakan bangga itu ada-lah chara hidup kita, tetapi yang lebeh besar dari itu ia-lah melaksanakan tanggong-jawab kita dalam soal pemeliharaan apa jua kemudahan yang di-adakan oleh Kerajaan itu.

Maka itu ada-lah wajar dan memang patut benar sa-tiap pendudok di-mana saja di-bekalkan kemudahan2 saperti bekalan ayer, letrik dan kotak2 pos harus-lah menjaga keselamatan dan kesempurnaan perkhidmatan2 itu. Tidak-lah sempurna tanggong-jawab itu jika kita hanya tahu menekmati, tetapi mengabaikan pemeliharaan-nya.

Gambar2 yang tertera di-halaman ini ada-lah menunjokkan rangkaian bekalan letrik di-Kampong Setia (Kampong Ayer) yang di-ganggu oleh orang2 yang tidak bertanggong-jawab. Ini-lah puncha-nya berlaku kerosakan demi kerosakan lantaran rasa bertanggong-jawab itu tidak dapat di-praktikkan oleh sa-bilangan orang. Gulongan ini ada-lah pemilek2 di-antara beberapa sifat perangai burok yang harus di-usahakan jalan2 yang sebaik2-nya untok membendong perbuatan2 yang sa-demikian itu.

Pemeliharaan dan kawalan sa-tiap kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan itu di-mana saja termasok sekitar Kampong Ayer ada-lah tugas pendudok2 kampong, kerana kemudahan2 itu ada-lah untok kesenangan mereka juga. Oleh itu ada-lah elok bagi pendudok2 itu sendiri merundingan perkara penjagaan itu sama ada dengan membentok jawatankuasa atau jalan lain yang sa-molek2-nya. Semoga-lah imej sa-bagai orang2 yang berbudi dan bertingkah laku yang manis itu akan dapat di-maniskan lagi. Dan, sa-tentu-nya kita tidak ingin perkataan "vandalism" (atau gulongan perosak itu) berada dalam masharakat kita. Harus-lah di-fikirkan dengan serius agar tidak berlaku lagi hal2 yang sa-umpama ini.





GAMBAR di-sebelah kanan atas ini menunjokkan insulator-insulator yang menentukan pemisahan bekalan api telah di-binasakan. Benda ini terletak di-bahagian atas dan perosak atau perosak2 itu membinasakan-nya sama ada dengan menggunakan satu alat penjulok atau di-baling dengan benda yang keras saperti batu dan kayu atau pun di-lastik.

Perhatikan dalam bulatan gambar ini yang menunjokkan dawai sedang tergantong (gambar kiri).

## Perbuatan2 saperti ini bukan hanya melibatkan terputus-nya bekalan letrik bahkan kemalangan jiwa yang tidak di-sangkakan



INI ia-lah alat pembahagi kuasa letrik yang telah di-baling dengan batu dan menyebabkan kacha meter-nya telah pechah. Gambar2 ehsan Jabatan Letrik.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 14HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Whom Gods Destroy" Pendudok2 mengambil aleh sa-buah tempat perlindongan dan memenjarakan Kirk dan Spock daalm satu sekim gila untok mengawal 'alam dunia.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — "Instant Courtesy" Endora memberi pengajaran terhadap Darrin dengan mengubah-nya menjadi lelaki tulin.
7.22 AZAN ISHA
7.26 BEWITCHED — sambongan
7.40 FLAMBARDS — "Prisoners of War" Christina dalam perjalanan pulang ka-Flambards menghadapi penghidupan baharu. Kaum lelaki bekerja di-ladang dan — kedengaran-lah ketawa riang anak damit di-rumah lama itu.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK — James Last Star Parade
10.05 GUSTI
10.45 SIARAN TAMAT

## KHAMIS — 15HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.07 AZAN MAGHRIB
6.11 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 DOCTOR WHO
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.22 AZAN ISHA
7.26 HIDAYAT — sambongan
7.40 HIGH CHAPARRAL — "The New Lion of Sonora" Bahagian Pertama Gilbert Roland sa-bagai bintang undangan merupakan orang yang bakal mewarisi ladang Montoya dengan tidak di-sangka2.
8.30 WARTA BERITA
8.45 DOKUMENTARI : "Lumba-Lumba"
9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 16HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "20,000 League Under the Sea" Bahagian II
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five Go To Demon's Rock" Bahagian II. Kesah dongeng nampak-nya menjadi perkara benar apabila mereka menemui sa-keping wang emas yang lama, tetapi bukan mereka sahaja yang sedang menchari harta karun ini . . . .
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE GOOD LIFE — "Anniversary"
7.23 AZAN ISHA
7.27 THE GOOD LIFE — sambongan
7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 HAWAII FIVE 'O' — "Death's Name is Sam" Terdapat sa-orang di-sebuah tempat di-Hawaii meranchang untok menembak sa-buah kapal terbang, dengan menggunakan bom buatan Russia. Begitulah kesimpulan yang di-buat oleh Steve McGarrett, ketua Five 'O'. Tetapi siapa, di-mana, bila dan kapal terbang mana-kah yang menjadi sasaran ?
10.20 THRILLER — "Coffin For A Bride"
11.30 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 17HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "The Challenge"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Secret World of Reptiles" Bahagian I
7.23 AZAN ISHA
7.27 DOKUMENTARI MELAYU— sambongan
7.40 TARGET — "Blow Out" Siri baru. Hackett sedang menyiasat satu rompakan permata dan belum dapat menyelesaikan-nya — hingga-lah saorang gadis jelita membuat satu usol kapada-nya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 KAZ — "Case of Class" Samuel Bennet dan Kaz bersetuju untok membela Gregg Marsh, teman lama Bennet sa-masa di-kolej — yang menghadapi tudohan merompak dan menggelapkan wang, tetapi Kaz mengeshaki bahawa kawan rapat majikannya ada-lah bersalah.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU : "The Glass Bottomed Boat"
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 18HB NOB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 HANDFUL OF SONGS
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET — "The Secret of Sally Bell' The Green Hornet menghanchorkan satu kumpolan dadah dan berjaya menawan hati sa-orang doktor wanita yang chantek.
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



SALAH satu adigan dari Hardy Boys Mysteries dengan bintang undangan-nya Dane Clark sabagai Hubbard dalam episod yang berjodol "Dangerous Waters".

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — "Jobs for the Boys"
7.23 AZAN ISHA
7.27 MIXED BLESSINGS — sambongan
7.40 THE INCREDIBLE HULK — "The Disciple" Banner sekali lagi menchari bantuan Li Sung dan menolong sa-orang pegawai pulis mewarisi kebijaksanaan saorang ahli falsafah Oriental yang buta.
8.30 WARTA BERITA
8.45 PUSPARAMA
9.30 THE BASTARD
11.00 THE NEXT STEP BEYOND
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 19HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PERUBATAN
7.23 AZAN ISHA
7.27 PERUBATAN — sambongan
7.40 PETROCELLI — "An Act of Love"
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 VEGAS
9.55 POLDARK — Pada hari Ross menjadi MP, datang pula berita kematian Hugh Armitage, Ross merasa sedih dan marah sedang Demelza menanggong kesusahan.
10.45 LIFELINE — "Dr Paul Ebert"
11.35 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 20HB NOB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN MARI KITA BERDO'A
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.08 AZAN MAGHRIB
6.12 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Musical Mummy"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI
7.23 AZAN ISHA
7.27 SERIKANDI — sambongan
7.40 THE HARDY BOYS — "Dangerous Waters" Dalam usaha menchari sa-orang gadis jelita, Joe dan Frank Hardy menemui berjuta2 harta karun lanun yang hilang dan bertembong pula dengan perompak2 kapal layar yang merbahaya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUTUSAN TAHUN BARU HIJRAH 1400 :
a) YAB Menteri Besar Brunei
b) YB Pengetua Hal Ehwal Ugama Brunei
9.05 ARENA SOKAN
9.45 DOCUMENTARY — "Hayes Over Japan"
10.35 KOJAK — "Photo Must Credit Joe Paxton"
11.25 SIARAN TAMAT.



## SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI

TOMORROW's edition of Brunei Graduates will bring you another interview with a graduate from the University of Nottingham, Sheikh Adnan bin Sheikh Mohammed (left), now a Lecturer in the Sixth Form Centre. The programme tomorrow can be heard at 12.45 pm and the repeat is on Sunday 18th November, 1979 at 8.00 pm.

# intisari RTB minggu ini



AWANG HAMIDON HAJI MD TAHIR, Jurutera Bengkel di-Jabatan Raya akan mengisikan ranchangan SISWAZAH BRUNEI pada ini.

Awang Hamidon memperoleh ijazah B.Sc. (Mechanical Eng.) dari ton Polytechnic, United Kingdom. Temuramah kami dengan beliau a siarkan pada 16hb Nobember jam 7.30 malam dan ulangan-nya pa Sabtu jam 1.00 tengahari.

Gambar menunjokkan Awang Hamidon (kanan) sedang di-tem oleh Manap Adam.



THE Incredible Hulk, siri kegemaran ramai akan di-tayangkan pada hari dan waktu yang sama minggu ini dengan tajok-nya "THE DISCIPLE".

Dalam siri ini Bill Bixby yang berlakun sa-bagai David meminta bantuan dari Li Sung yang di-lakunkan oleh Mako.

Gambar atas kelihatan David dan Mako dalam salah satu adigan yang akan dapat di-tunton dalam siri tersebut.

## The General Paper Series (English Section)

The General Paper — Programme 16 — Friday 16.11.79

Title : Language as a means of Communication

Repeat Broadcast of Programme 16 — Friday 16.11.79 at 8.00-9.00 pm.

The General Paper — Programme 17 — Sunday 18.11.79

Title : "Discuss the Relevance of History of Modern Times"

Repeat Broadcast of Programme 17 — Monday 19.11.79 at 8.00-9.00pm.

## MENYERTAI TETAMU M

PARA peminat ranchangan TETAMU MINGGU BORANG yang tersebut di-bawah ini, dan hantar Ranchangan tersebut :—

PENERBIT TETAMU MINGGU INI,
BAHAGIAN MELAYU, RTB.

NAMA PENOH : ..............................

No. I/C : ..............................

ALAMAT : ..............................

No. TALIPON : ..............................

TARIKH : ..............................

..............
Ta



PURBAWARA Radio memang tidak asing lagi kapada pend hatan dalam gambar di-atas, pelakun2 telah mengadakan late kan. Purbawara Radio di-siarkan pada tiap2 hari Sabtu jam malam-nya jam 9.00.

# SAMBUTAN TAHUN HIJRAH 1400 PERENGKAT NEGERI DAN DAERAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di seluroh Negeri Brunei akan merayakan sa-chara besar2-an Sambutan Tahun Hijrah 1400 sa-lama sa-bulan, ia-itu mulai pada 29hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 20hb Nobember, 1979 dan akan berakhir pada 30hb Muharram, 1400 bersamaan 20hb Disember, 1979.

Hari Selasa 20hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 20hb Nobember, 1979, mengalu2kan Awal Tahun Hijrah 1400 di-seluroh masjid. Pemusatan bagi daerah2 pada tarikh, masa dan achara yang sama ia-lah: Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong; Masjid Muhammad Jamalul 'Alam, Kuala Belait dan Masjid Utama Muhammad Salleh, Temburong.

Hari Rabu 1hb Muharram, 1400 bersamaan 21hb Nobember, 1979, Perasmian Sambutan Tahun Hijrah 1400 dan Pameran Perkembangan Islam di-Brunei, bertempat di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Sementara hari Khamis 30hb Muharram, 1400 bersamaan 20hb Disember, 1979 ia-lah Majlis Penutopan Rasmi Sambutan Tahun Hijrah 1400, di-seluroh masjid2 di-negeri ini.

TETAMU KEHORMAT

Tetamu Kehormat, Awal Tahun Hijrah 1400 bagi masjid2 pada hari Selasa 29hb Dzulhijjah, 1399 bersamaan 20hb Nobember, 1979 ia-lah: Masjid Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awg Haji Ibrahim, Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Tetamu Kehormat, Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Tetamu Kehormat, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Menteri Besar Brunei.

Tetamu Kehormat, Masjid Utama Muhammad Salleh, Temburong, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Achara sambutan mengalu2kan Awal Tahun Hijrah 1400 di-masjid2 seluroh negeri ia-lah: Membacha do'a akhir tahun Hijrah 1399, Membacha Do'a Selamat, Menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, Wirid Sembahyang, Membacha Tahlil, Membacha Yassin, Membacha Do'a Awal Tahun Hijrah 1400 dan Menunaikan Sembahyang Fardhu Isha berjemaah.

## Perhimpunan Umom bagi 1400 Hijrah

SATU Perhimpunan Umom sempena sambutan 1400 Hijrah, akan di-adakan di-tiap2 daerah di-negeri ini bagi memberi kesempatan kapada orang ramai di-daerah2 yang berkenaan untok menghayati kesan sambutan yang sepatut-nya rapus bagi semua perengkat raayat dan penduduk khas-nya yang berugama Islam di-seluroh pelusok negeri ini.

Sementara itu, cheramah2, sharahan2 dan forum2 juga akan di-adakan untok penuntut2, belia2, pegawai2 Kerajaan dan orang ramai.

## Ranchangan sambutan bagi 1400 Hijrah

RANCHANGAN2 sambutan Tahun 1400 Hijrah serta usaha2 yang akan di-laksanakan termasok-lah: Bahagian Pertunjokan dan Pameran; Bahagian Penerbitan dan Siaran; Bahagian Chenderamata dan Kenang2an; Bahagian Hadiah2 Pelajaran; Bahagian Sambutan2 dan Kempen Ibadah dan Cheramah.

Bahagian2 sambutan tersebut di-pengerusikan oleh Jawatan Kuasa masing2 serta Jawatan-Kuasa2 daerah yang akan menjalankan kegiatan2-nya.

Dalam usaha untok menghidupkan suasana ke-Islaman sa-panjang bulan Hijrah itu, beberapa Jawatan Kuasa juga telah di-bentok bagi meranchangkan berbagai2 kegiatan dalam perkara ibadah.



SALAH satu pemandangan 'Pameran kesan2 Islam' yang akan dapat di-lihat oleh orang ramai dan pelawat2 mulai 1hb Muharram, 1400 bersamaan 21hb Nobember, 1979.

## RANCHANGAN SAMBUTAN TAHUN HIJRAH 1400

| BIL. | TARIKH | ACHARA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | Hari Selasa<br>29 Dzulhijjah 1399<br>(20hb Nobember 1979) | Mengalu2kan Awal Tahun Hijrah 1400<br>(Sa-belum sembahyang Fardhu Maghrib) | Masjid2 seluroh negeri.<br>Pemusatan :<br>i. Brunei/Muara : Masjid Omar Ali Saifuddin.<br>ii. Tutong : — Masjid Hassanal Bolkiah.<br>iii. Belait : — Masjid Muhammad Jamalul Alam.<br>iv. Temburong : — Masjid Utama Mohammad Salleh. |
| 2. | Hari Rabu<br>1 Muharram 1400<br>(21hb Nobember 1979) | Perasmian Sambutan Tahun Hijrah 1400 dan Pameran Perkembangan Islam di-Brunei (pagi) | Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan, Brunei. |
| 3. | Hari Khamis<br>2 Muharram 1400<br>(22hb Nobember 1979) | **Pagi :**<br>i. Penyampaian Sijil2 Penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. | i. Di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei. |
| | | **Petang :**<br>i. Peraduan Membacha Al-Kor'an di-antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah. | i. Di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei. |
| | | ii. Majlis Pelancharan Kempen Ibadat Sembahyang Fardhu berjema'ah di-Sekolah2/Maktab2 dan Asrama2 seluroh negeri. | ii. Di-Dewan Sekolah Ugama Pg Anak Puteri. Nor'ain Tutong. |
| | | **Malam :**<br>i. Cheramah dan Kempen Sembahyang Juma'at dan Sembahyang berjema'ah (sa-lepas fardhu Maghrib sementara menunggu Isha). | i. Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei.<br>ii. Masjid Panchor Murai, Brunei.<br>iii. Masjid Jerudong, Brunei.<br>iv. Rumah 3PM, Temburong.<br>v. Masjid Labu Estate, Temburong.<br>vi. Surau Kampong Menengah, Temburong. |
| | | ii. Majlis Pelancharan Khemah Kerja Belia. | ii. Di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait |
| 4. | Hari Jumaat<br>3 Muharram 1400<br>(23hb Nobember 1979) | **Pagi :**<br>i. Pembukaan Rasmi Masjid Mohammad Bolkiah. | i. Kampong Serusop Jalan Muara, Brunei. |
| | | **T/Hari :**<br>ii. Cheramah dan Kempen Sembahyang Juma'at dan Sembahyang berjema'ah (sa-belum fardhu Juma'at). | ii. Masjid Chahaya Derma Bakti Penanjong Tutong.<br>ii. Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong. |
| | | **Petang :**<br>iii. Pameran Poster bagi Sekolah2 Rendah Daerah Brunei/Muara. | Di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. |
| | | **Malam :**<br>iv. Majlis Keshukoran Sempena Pembukaan Rasmi Masjid Mohammad Bolkiah. | Kampong Serusop Jalan Muara, Brunei. |
| 5. | Hari Sabtu<br>4 Muharram 1400<br>(24hb Nobember 1979) | **Pagi :**<br>i. Penyampaian Hadiah2 dan Preview Peraduan Tulisan Jawi. | i. Di-Muzium, Brunei. |
| | | ii. Kursus Muallaf. | ii. Di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin Kuala Belait. |
| | | **Malam :**<br>i. Peraduan Kuiz Sambutan Tahun Hijrah 1400. | Di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong, Brunei. |
| | | ii. Cheramah dan Kempen Sembahyang Juma'at dan Sembahyang berjema'ah (sa-lepas fardhu Maghrib sementara menunggu Isha). | Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait. |
| 6. | Hari Ahad<br>5 Muharram 1400<br>(25hb Nobember 1979) | **Pagi :**<br>i. Pameran Feshen Pakaian Wanita Islam dan Kerja Tangan Wanita. | i. Di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. |
| | | ii. Kursus Muallaf. | ii. Dewan Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Nor'ain, Tutong. |
| | | iii. Majlis Bimbingan Anak2 Yatim. | iii. Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin Kuala Belait. |
| | | iv. Majlis Bimbingan Anak2 Yatim. | iv. Dewan Sekolah Ugama Pg Muda Mohammad Bolkiah Temburong. |
| | | **T/Hari :** Cheramah. | Surau Pulis Panaga, Kuala Belait. |
| | | i. Kempen Kebersehan Sekolah2 dan Kawasan Sekolah2 Menengah/Maktab2 Kerajaan, China dan Misi. | i. Surat Keliling Jabatan Pelajaran, Brunei mulai 21hb Nobember, 1979 hingga 31hb Januari, 1980. |
| | | ii. Kempen Memakai Songkok dan Bertudong kepala bagi sekolah2. | ii. Surat Keliling Jabatan Pelajaran, Brunei mulai 21hb Nobember, 1979 hingga 31hb Januari, 1980. |
| | | iii. Peraduan Pementasan Drama yang berchorak Keugamaan. | iii. Tertaklok kapada penetapan jawatan kuasa-nya di-Kuala Belait, mulai 25hb Nobember, 1979 hingga 14hb Disember, 1979. |
| | | iv. Kempen Menghayati chara2 Hidup Islam dengan berakhlak dan bersopan santun di-kalangan masharakat. | iv. Surat Keliling Pegawai Daerah Belait. |
| | | v. Kempen Ibadat Sembahyang Fardhu berjema'ah di-Sekolah2/Maktab2 dan Asrama2 seluroh negeri. | v. Di-Belait, mulai di-arahkan pada 14hb Nobember, 1979 hingga menjadi ketitehan. |



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar atas) kelihatan ketika menjunjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-baik2 sahaja istiadat rasmi membacha chiri mengorniakan gelaran sempurna di-bachakan di-Lapau, di-ibu negeri. Yang Teramat Mulia yang kini di-kenali sabagai wazir kedua bagi Negeri Brunei (gambar bawah) telah menerima tabek hormat dan hormat Diraja oleh sa-pasokan anggota Askar Melayu Diraja Brunei di-perkarangan Lapau sa-jurus sa-belum Yang Teramat Mulia menaiki kenderaan khas untok di-arak mengelilingi ibu negeri. Gambar bawah kanan, kelihatan wazir pertama bagi Negeri Brunei Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kelihatan ketika memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota lelaki dan wanita Pasokan Pulis Diraja Brunei dan gambar bawah sekali Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei yang mendahului barisan perarakan bagi YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara.

# ISTIADAT MENGORNIAKAN GE[...] WAZIR PERTAMA DAN KE[...]

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah — Wazir Pertama bagi Negeri Brunei telah diputerakan pada 31hb Julai, 1951 di-Istana Darul Hana. Yang Teramat Mulia ia-lah adinda ke-empat kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan.

Dalam usia 16 tahun, pada tahun 1967, Yang Teramat Mulia itu telah menjalani istiadat berkhatan. Yang Teramat Mulia melangsongkan istiadat perkahwinan dengan Yang Mulia Pengiran Anak Salmah bte Pengiran Muda Haji Mohd Salleh pada 14hb Julai, 1971.

Yang Teramat Mulia telah di-korniai oleh Allah s.w.t. tiga orang chahaya-mata, dua orang puteri dan sa-orang putera.

Pernah menuntut di-Maktab SOAS dan melanjutkan pengajian ka-United Kingdom, Yang Teramat Mulia juga pernah mengadakan lawatan ka-beberapa buah negara Eropah. Untok memperingati sukut nama Yang Teramat Mulia itu sa-buah sekolah di-negeri ini telah dirakamkan dengan nama Yang Teramat Mulia sa-bagai Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong dan di-rasmikan sendiri oleh Yang Teramat Mulia pada tahun 1972.

Dalam perkhidmatan kerajaan, Yang Teramat Mulia pernah memegang jawatan sa-bagai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan bertugas di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan buat beberapa bulan.

Pada tahun 1978, Yang Teramat Mulia berserta kerabat2 Diraja yang lain telah selamat menyempurnakan fardhu haji.









# AN GELARAN DAN MENGARAK KEDUA BAGI NEGERI BRUNEI



GAMBAR atas sekali kiri, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berdatang sembah ka-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-baik2 saja gelaran rasmi di-lafadzkan dalam chiri sa-laku YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara yang kemudian-nya di-ikuti dengan tembakan meriam 17 das. Gambar atas sekali kanan Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ketika menapakkan Gangsa Sireh ka-bahu kanan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara. Manakala gambar atas, Chiri yang dibachakan oleh YDM Pehin Siraja Khatib Awang Haji Mohd Yussof bagi pengorniaan gelaran kapada YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah menjadi YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal ia-itu wazir kedua bagi Negeri Brunei.



SA-BAGAI putera ke-enam kapada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan adinda kelima Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dengan perkenan Baginda telah di-lantek menjadi wazir kedua bagi Negeri Brunei dengan kornia gelaran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal pada petang hari Rabu, 8hb Nobember, 1979.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah di-puterakan pada 6hb Disember, 1954 di-Istana Darul Hana dan telah menjalani istiadat berkhatan bersama-sama dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah pada tahun 1967 ketika berusia 13 tahun.

Pada tahun 1972, 31hb Ogos, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal telah melangsongkan istiadat perkahwinan dengan Yang Mulia Pengiran Anak Norhayati bte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman dan mendapat chahaya-mata, sa-orang puteri dan sa-orang putera.

Yang Teramat Mulia dalam masa2 lapang begitu giat menjalani latehan2 sokan terutama sokan polo di-samping bergiat dalam perkara2 kebajikan.

Yang Teramat Mulia saperti juga kekanda-nya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara pernah menuntut di-Maktab SOAS dan seterus-nya melanjutkan pelajar-an ka-seberang laut.





GAMBAR kenderaan yang digunakan dalam perarakan (kiri) bagi YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika melintasi hadapan Masjid Omar Ali Saifuddin dan (kanan) YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika di-arak dengan di-apit oleh YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Ra'e Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd Alam.

# MENJELANG SAMBUTAN TAHUN 1400 HIJRAH:
# KITA MULAKAN DARI MASJID2



YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

*ACHARA permulaan dalam mengalu2kan kedatangan Tahun Hijrah 1400, ya'ani kita beramai2 memasoki gerbang awal kurun yang ke-15 Hijrah melalui ruang rumah suchi ia-itu masjid. Mungkin ada orang akan bertanya mengapa begitu lama berada di-masjid untok mengalu2kan kedatangan tahun Hijrah 1400 itu? Untok menjawab-nya, ikuti-lah chabutan uchapan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, dalam perjumpaan Hari Raya Haji yang baru lalu, anjoran Guru2 Ugama Daerah Brunei-Muara. — Pengarang.*

## Umat Islam di-Brunei di-seru bersama2 mengalu2kan awal kurun ke-15 Hijrah

Hanya kira2 beberapa hari saja lagi kita akan mengalu2kan kedatangan tahun Hijrah 1400 ya'ani kita akan memasoki gerbang awal kurun yang ke-15 Hijrah pada hari Selasa malam Rabu 20hb Nobember, 1979.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah membentok sa-buah Jawatankuasa Tertinggi bagi menyusun ranchangan untok menyambut kedatangan tahun Hijrah 1400 itu sesuai dengan hasrat untok menjadikan Islam sebagai Ideologi Negara dan satu chara hidup yang lengkap di-Brunei ini.

Jawatankuasa tersebut telah membuat ranchangan2 mengenai dengan sambutan itu, dan untok mengambil berkat supaya sambutan itu di-beri rahmat oleh Allah s.w.t. maka sambutan awal tahun 1400 Hijrah itu akan kita mulakan dari masjid, sesuai dengan kedudokan masjid sebagai rumah suchi dan pusat perkembangan ugama Islam.

Pada hari Selasa 20hb. Nobember, 1979 bersamaan dengan 29hb Zulhijjah 1399 ia-itu hari yang terakhir bagi tahun 1399 Hijrah, kita akan berkumpol di-masjid2, ya'ani semua masjid di-negeri ini akan mengadakan perkumpolan pada kira2 jam 5.30 petang. Dalam mana kita akan beramai2 di-masjid itu membacha doa akhir tahun yang di-antara lain akan memohonkan perkara2 berikut:

i Memohon ampun kapada Allah s.w.t. di-atas kesalahan2 yang telah di-lakukan.

ii Bertaubat kapada Allah s.w.t. di-atas ketelanjuran2 yang telah lalu dan berazam tidak akan melakukan-nya.

iii Memohon kapada Allah s.w.t. supaya amal saleh dan kebajikan yang telah kita lakukan di-terima oleh Allah s.w.t.

Kemudian kita akan bersembahyang Maghrib berjemaah, di-ikuti dengan membacha wirid2, bertahlil dan membacha Yasin, serta membacha doa awal tahun yang di-antara lain doa itu mengandongi perkara2 berikut:

i Memohon kapada Allah s.w.t. supaya kita di-pelihara daripada di-tipu dan di-rasoki oleh shaitan.

ii Memohon kapada Allah supaya kita di-beri kekuatan untok melawan kehendak2 dan godaan2 hawa nafsu yang jahat.

iii Memohon kapada Allah s.w.t. supaya kita di-beri kemudahan dalam beramal untok mendekatkan diri kapada Allah s.w.t.

Sesudah itu kita akan bersembahyang Isha' berjemaah.

Ini-lah achara permulaan dalam mengalu2kan kedatangan Tahun Hijrah 1400, ya'ani kita beramai2 memasoki gerbang awal kurun yang ke-15 Hijrah melalui ruang rumah suchi ia-itu masjid.

Mungkin ada orang bertanya mengapa begitu lama berada di-masjid untok mengalu2kan kedatangan tahun Hijrah 1400 itu?

Saya ingin memberikan penerangan saperti berikut:

(1) Menurut sebuah Hadith yang di-riwayatkan oleh Imam At-Termizi bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud: "Sa-seorang daripada kamu akan senantiasa di-dalam sembahyang selagi ia menunggu sembahyang itu, dan Malaikat akan terus berselawat ka-atas seorang daripada kamu selagi ia berada di-dalam masjid, Ya Allah! beri-lah keampunan kapada-nya, Ya Allah! beri-lah rahmat kapada-nya selagi orang itu belum berhadath".

Hadith tersebut berma'ana bahawa berada di-dalam masjid ada-lah perkara kebajikan dan para Malaikat sentiasa mendoakan supaya dosa di-ampunkan, dan rahmat di-limpahkan selagi sa-seorang itu belum hilang udzu'-nya dan kalau hilang udzu'-nya maka ia hendak-lah lekas2 mengambil udzu' dan masok balek ka-dalam masjid. Dan kita berada di-dalam masjid kerana menunggu sembahyang berjema'ah fardhu Maghrib dan Isha' tidak-lah sia2, kerana tempoh kita menunggu waktu sembahyang itu kita mendapat pahala saperti pahala bersembahyang.

(2) Di-samping itu apabila kita berada di-dalam masjid, kita hendak-lah melakukan perkara2 yang di-suroh oleh Ugama, sabagaimana kata Al-Imam An Nawawi dalam kitab Al-Azkaar, bahawa semasa berada di-dalam masjid ada-lah sunat bagi kita membanyakkan pada mengingati Allah, dan bertasbih (membacha سُبْحَانَ اللهِ), bertahlil (لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ), bertahmid (membacha اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ), bertakbir (membacha اَللهُ أَكْبَرُ) dan zikir2 yang lain, dan ada-lah sunat bagi kita membanyakkan pada membacha Al-Kor'an dan Hadith2 Nabi serta ilmu2 Ugama.

(3) Apabila kita masok ka-dalam masjid, maka menurut maksud sebuah Hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi "Bahawa jika sa-seorang daripada kamu masok ka-dalam masjid hendak-lah ia menunaikan dua raka'at sebelum ia dudok". Hadith ini bermaksud di-antara lain bahawa ada-lah sunat bagi kita apabila masok ka-dalam masjid menunaikan sembahyang Tahiyatul-Masjid bagi menghormati masjid. Dan ini ada-lah suatu pahala.

(4) Di-samping itu kita di-sunatkan pula melakukan i'tikaf ya'ani berada di-dalam masjid dengan niat i'tikaf itu ada-lah mendapat pahala.

(5) Menurut Al-Imam An-Nawawi dalam kitab Al-Azkaar bahawa barang-siapa masok ka-dalam masjid dan ia tidak berupaya untok menunaikan sembahyang Tahiyatul-Masjid, kerana tidak berudzu' atau kerana kesibokan2 kerja atau seumpama-nya maka ada-lah sunat bagi-nya menyebut empat kali perkara2 berikut:

سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ.

(6) Dan lagi menurut maksud sebuah Hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi bahawa apabila kita masok ka-dalam masjid ada-lah sunat kita membacha doa saperti berikut:

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ.

Yang bermaksud: "Ya Allah! bukakan-lah kapada ku pintu2 rahmat Mu".

Dan apabila kita keluar daripada masjid ada-lah sunat bagi kita membacha doa yang berikut:

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ.

Yang bermaksud: "Ya Allah! aku sesunggoh-nya memohonkan kurnia daripada Mu".

(7) Dan lagi mengenai dengan orang yang pergi ka-masjid, di-dalam sabuah Hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi yang bermaksud bahawa: sa-seorang yang pergi ka-masjid, maka orang itu ada-lah di-dalam jagaan Allah s.w.t. Dan jika-lah orang itu menemui ajal-nya maka ia di-masokkan oleh Allah ka-dalam shorga, atau orang itu kembali selamat ka-rumahnya maka ia mendapat pahala dan keberuntongan.

Demikian-lah fadhilat2 mengenai dengan masjid dan perkara2 yang berhubong dengan-nya menurut Hadith2 Nabi dan menurut pendapat2 Ulama2, dan mari-lah kita memulakan sambutan Awal Tahun Hijrah 1400 ini dengan chara mengalu2kan-nya di-dalam masjid, rumah Allah yang Maha Suchi, pusat pembentokan jiwa kita sabagai orang Islam.

Di-sini juga saya berseru kapada ra'ayat dan pendudok2 Islam di-Brunei ini supaya bersama2 mengalu2kan kedatangan awal Kurun ke-15 Hijrah pada petang hari Selasa 20hb. Nobember, 1979 dengan datang berkunjong ka-masjid di-mukim masing2 pada jam 5.30 petang.



SEMPENA mengalu2kan kedatangan Tahun Hijrah 1400, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, berkenan akan melaksanakan Istiadat Pembukaan Rasmi Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop, pada 3hb Muharram, 1400 bersamaan 23hb Nobember, 1979 dan sa-terus-nya menunaikan Sembahyang Fardhu Juma'at.

Di-sebelah malam-nya, satu majlis yang berchorak ugama akan di-adakan, sa-bagai tanda keshukoran sempena pembukaan rasmi masjid ini.

Gambar menunjokkan Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop, Jalan Muara, salah sa-buah masjid di-negeri ini di-mana umat Islam akan menyambut kedatangan Awal Tahun Hijrah 1400. Kedatangan Awal Tahun Hijrah 1400 akan di-sambut bermula dari masjid2 seluroh negeri.

# SIARAN LANGSONG RADIO BRUNEI

BEBERAPA siaran terus menerus sedang di-ator oleh Radio Brunei untok memberikan khidmat siaran 'express' kapada para pendengar di-negeri ini dalam usaha menolong orang ramai mengetahui lebeh awal perkara2 yang sedang di-tunggu2 mereka. Siaran2 tersebut ia-lah mengenai ketibaan rombongan jemaah haji Brunei dari Mekah yang di-jadualkan pada 14hb dan 21hb Nobember ini.

Pada kedua2 hari tersebut Radio Brunei akan memulakan siaran langsong-nya pada jam 6.15 pagi. Juru2 Ulas kita akan membuat laporan terus menerus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Bagai-mana pun ini bergantong-lah kapada pengesahan terakhir waktu ketibaan kapal terbang yang mem-bawa jemaah haji itu sama ada terawal atau terlewat. Chuma yang pasti bahawa Radio Brunei akan sen-tiasa memberitahu orang ramai dari sa-masa ka-sa-masa mengenai waktu ketibaan itu. Dengan itu saudara mara sahabat handai para jemaah haji di-seluroh negeri ini akan dapat mengetahui ketibaan para jema'ah haji lebeh awal untok persediaan2 sam-butan di-rumah.

Radio Brunei juga akan menyiarkan sa-chara langsong pembukaan rasmi Sambutan Tahun Hijrah 1400 yang akan di-sambong dari TV Brunei, di-sam-ping itu radio juga sedang berusaha untok menyiar-kan sa-chara langsong Temasha Sokan BAAA yang ke-25 pada 1hb dan 2hb Disember.



WITH Pengiran Asmalee Pengiran Ahmad as the host, two more outstanding couples, Dr. Robert Kay and Doreen Wilson, and John Hughes and Woreen Hughes, will make-up this week's panel on Two Away For No pro-gramme, which will be broadcast this Sunday, 18th November, 1979, at 1.00 pm, and the repeat on Tuesday 20th November, 1979 at 9.30 pm.

Those wishing to join in the game programme, please ring up the English Programme Organizer or the Producer, at the English Section, RTB, Telephone No. 23111, Ext. 243, during office hours.

## ...NGGU INI

...I, di-persilakan mengisikan ...n segera kapada Penerbit

..........................

..........................

..........................

..........................

..........................

..........................

...a Tangan



# "TARGET"—siri baru mula di-tayangkan pada hari Sabtu

SIRI yang realistik dan penoh dengan per-gerakan. "Target" ada-lah mengenai skuad jenayah pulis serantau yang bertempat di-sa-buah pelabohan besar di-pinggir laut.

Skuad jenayah serantau ini mempunyai dua fungsi utama: "Mengesan dan menang-kap orang2 yang chergas dalam perbuatan jenayah yang serius" dan "pemeliharaan sistem2 perisek jenayah yang berhubong de-ngan orang2 saperti ini". Orang2 yang di-shaki ini di-kenali sa-bagai "targets" (orang2 yang menjadi sasaran) dan jenayah2 yang mereka terlibat ada-lah termasok semua jenis rompakan2 terbesar, pengedaran dadah, peni-puan, penerimaan besar2an dan kadang2 kegiatan pengganas2. Satu operasi skuad jenayah mungkin melibatkan perhubongan dengan lain2 kumpolan yang khusus saperti Kastam dan Bea, Skuad Dadah, Skuad Bom dan Chawangan Khas.

Gambar kiri ia-lah Patrick Mower ber-lakun sa-bagai Hackett, penguasa ditektif yang menguasai kegiatan2 di-No. 13 Skuad Jenayah Serantau.

Dalam siri kedua yang akan di-tayang-kan pada hari Sabtu 17hb Nobember, jam 7.40 ini bertajok "Blow Out" mengesah-kan Hackett menyiasat satu rompakan per-mata dan belum dapat menyelesaikan-nya — hingga-lah sa-orang gadis jelita membuat usol kapada-nya.



...gar2 Radio di-tanah ayer. Keli-...n sa-belum rakaman-nya di-jalan-...0 tengah hari dan ulangan pada




SALAH satu lagi adigan yang akan dapat awda tunton dalam siri Hardy Boys Mysteries — berjodol "Dangerous Waters". Siri ini akan ka-udara pada hari Selasa.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI :** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG :** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI :** Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. **PETANG :** 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib. di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

